

FALSAFAH HUKUMAN DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

Oleh: Hamidi bin Abdul Ghani¹

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan falsafah hukuman menurut undang-undang jenayah Islam serta menjawab beberapa kekeliruan yang timbul. Perbincangan adalah berasaskan tujuan-tujuan perlaksanannya yang meliputi menjaga dan melindungi kepentingan awam, pembalasan terhadap perbuatan jenayah yang dilakukan, pencegahan khas dan umum, pemulihan keamanan dan pendidikan masyarakat, memuaskan hati pihak mangsa untuk mengelak dari perasaan membalas dendam, menghapuskan dosa, memberi rahmat kepada masyarakat dengan menyekat jenayah berkenaan dari merebak dan menegak keadilan dengan menghukum penjenayah setimpal dengan kesalahannya. Untuk merealisasikan tujuan-tujuan ini, hukuman ini hendaklah dilaksanakan di hadapan masyarakat atau dengan pengetahuan masyarakat.

PENDAHULUAN

Dalam bahasa Arab, hukuman disebut *'uqubah* yang membawa maksud balasan yang setimpal.² Manakala menurut pengertian perundangan pula, tidak didapati definisi hukuman dalam kitab-kitab fiqh klasik, kerana para pengarangnya tidak menulis tajuk hukuman secara menyeluruh tetapi mereka lebih suka membicarakan tajuk berasingan bagi setiap jenis hukuman, seperti bab hudud, kitab jinayah dan kitab qisas.

Para penulis kitab jenayah Islam moden telah berusaha untuk mendefinisikan hukuman (*'uqubah*) dengan beberapa definisi. 'Abd al-Qadir 'Awdah contohnya telah mendefinisikan hukuman sebagai pembalasan yang ditentukan bagi kepentingan umum atas pelanggaran

¹ Hamidi bin Abdul Ghani, MA, Pensyarah Jabatan Al-Syariah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan.

² Muhammad bin Mukrim Ibn Manzur (1302), *Lisan al-'Arab*. Qaherah: al-Matba'ah al-Miriyyah, j. 2, h. 110.

perintah syarak.³ Menurut Muhammad ‘Abd al-Mun‘im pula hukuman ialah pembalasan yang adil yang diadakan untuk kepentingan individu dan masyarakat apabila melakukan jenayah.⁴ Ada juga penulis yang mendefinisikan hukuman adalah balasan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T untuk mencegah perlakuan yang ditegah dan meninggal apa yang diperintahkanNya.⁵ Muhammad Abu Zahrah pula menjelaskan bahawa hukuman ialah kesakitan yang dikenakan ke atas penjenayah sebagai satu cegahan kepadanya.⁶

Kesimpulannya, hukuman boleh diertikan sebagai satu balasan yang adil yang telah ditetapkan untuk menjamin kepentingan individu dan masyarakat, dan dikenakan ke atas penjenayah yang melakukan tegahan Allah atau meninggalkan perintahNya. Pembalasan ini ada yang telah ditetapkan oleh syarak yang dinamakan sebagai *hudud* dan *qisas*, dan ada pula yang diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah dan badan kehakiman dalam menentukannya yang dinamakan *ta‘zir*. Hukuman ini ada yang berbentuk kesakitan fizikal dan mental, dan kadangkala berbentuk denda yang melibatkan kewangan, di mana ia dikenakan sebagai suatu cegahan serta pengajaran kepada individu yang melakukan jenayah khususnya dan juga masyarakat amnya.

DEFINISI FALSAFAH

Perkataan “falsafah” berasal daripada bahasa Greek yang dicantum daripada dua perkataan iaitu *philein* dan *sophia*. *Philein* bererti *to love* iaitu cinta atau mencintai, manakala *sophia* pula bererti *wisdom* iaitu kebijaksanaan. Apabila dicantum kedua-duanya, ia menjadi *phileinsophia* yang bererti *to love wisdom*, iaitu mencintai kebijaksanaan.

Perkataan falsafah yang digunapakai dalam bahasa Malaysia diambil daripada Bahasa Arab. Sebutannya tidak berbeza sama sekali. Dalam bahasa Inggeris, perkataan sedemikian juga wujud, tetapi sebutannya lebih mirip kepada kata asalnya daripada Greek yang akhirnya menjadi *philosophy*. Perkataan *philosophy* ini diberi erti sebagai *love of wisdom of knowledge*.

³ Abd al-Qadir ‘Awdah (1989), *al-Tashri‘ al-Jina‘i al-Islami*. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, j. 1, h. 609.

⁴ Muhammad Abu al-Mun‘im (1988), *Nazrah al-Quran Ila al-Jarimah Wa al-Iqab*. Qahirah: Dar al-Manar, h. 207.

⁵ Ahmad Fathi Bahnasi (1983), *al-‘Uqubah*. Beirut: Dar al-Ra‘id al-‘Arabi, h. 13.

⁶ Muhammad Abu Zahrah (t.t), *al-Jarimah*. Beirut: Dar al-Fikr al-‘Arabi, h. 7.

Dalam dunia keilmuan Islam dan bukan Islam, perkataan falsafah ini terkenal dan berkembang luas. Apabila kata asalnya pun berasal daripada perkataan Greek, sudah pastilah ia telah wujud sebelum kedatangan Islam yang dibawa Rasulullah SAW. Namun begitu, perkataan ini tidak popular semasa Baginda masih hidup. Ia berkembang pesat dalam dunia ilmuwan Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Justeru itulah perkataan tersebut tidak terdapat di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah.

Walaupun begitu, ia bukanlah bererti Islam menolak atau tidak membicarakan langsung hal berkenaan dengan falsafah. Dari itu, didapati satu perkataan yang sering dihubungkan dengan falsafah ialah "hikmah". Perkataan ini cukup terkenal dalam bahasa Arab dan ia telah disebut di dalam al-Quran sebanyak 20 kali.⁷ Ismail Muhammad dalam bukunya, *Falsafah Hukum Islam* mengatakan bahawa falsafah dan hikmah berkaitan hukum Islam ialah "Pengetahuan tentang hakikat, rahsia dan tujuan hukum Islam dan undang-undang Islam".

FALSAFAH HUKUMAN MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

Falsafah hukuman menurut perspektif undang-undang jenayah Islam boleh diuraikan sebagaimana berikut:

1) Menjaga Dan Melindungi Kepentingan Awam

Falsafah yang penting dalam pelaksanaan hukuman jenayah Islam ialah menjaga dan melindungi kepentingan awam. Penjagaan ini akan mewujudkan sebuah masyarakat dan negara yang aman damai dan stabil. Kepentingan yang mesti dijaga dengan mengenakan hukuman kepada pencerobohnya adalah berpokok pangkal dari lima asas, iaitu menjaga agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta benda.⁸ Sehubungan itu, Imam al-Ghazali menjelaskan:⁹

Maksudnya: "*Sesungguhnya mencari manfaat dan menolak kemudaratan adalah tujuan hidup manusia, maslahat*

⁷ Dr. Amir et al. (2002), *Falsafah Perundangan Islam*. Mahzum Book Services, h. 1-3.

⁸ Dr. Abdul Basit bin Abdul Rahman (2009), "Maqasid Syariah Sebagai Roh Dalam Pentadbiran Negara", dalam *Maqasid Syariah Dalam Pentadbiran Negara* (ed. Hamidi bin Abdul Ghani dan Nurul Akma binti Mohamed). Kota Bharu: Jabatan Al-Syariah, KIAS, h. 13-19.

⁹ Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (1324), *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Bulaq: Matba'ah al-Amiriyah, h. 286-288. Lihat juga: Ibrahim bin Musa al-Shatibi (t.t), *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 8.

manusia akan tercapai melalui pencapaian tujuan mereka. Tapi apa yang kita maksudkan dengan maslahat itu ialah menjaga perkara-perkara yang menjadi tuntutan syarak. Perkara-perkara yang menjadi tuntutan syarak ke atas manusia ialah lima iaitu: mereka (manusia) hendaklah menjaga agama mereka (maksudnya agama Islam, sebab agama yang lain tidak diterima oleh Allah), nyawa mereka (termasuk tubuh badan), akal mereka, keturunan mereka dan harta benda mereka. Segala sesuatu yang termasuk di dalam penjagaan kelima-lima asas ini adalah maslahat, dan tiap-tiap sesuatu yang meluputkan asas-asas ini adalah kerosakan (mafsadah) dan menolak (mencegah) kerosakan tersebut adalah juga maslahat. Menjaga asas-asas ini adalah satu peringkat kemestian, iaitu sekuat-kuat peringkat dalam maslahat, contohnya syarak menghukum orang kafir yang menyesatkan supaya dibunuh, seksaan ke atas orang-orang yang mereka-reka bid'ah dan menghasut, kerana perbuatan-perbuatan itu adalah menghancurkan agama kepada manusia. Syariat menghukum wajib dilaksanakan hukuman qisas kerana dengannya dapat menjaga nyawa (dan tubuh manusia), mewajibkan hukuman had minum arak, kerana dengannya dapat menjaga akal fikiran yang menjadi asas tanggungjawab, mewajibkan hukuman had zina kerana dengannya dapat menjaga keturunan, mewajibkan deraan ke atas perompak-perompak dan pencuri-pencuri kerana dengannya dapat menjaga harta benda yang menjadi asas kehidupan manusia. Semua manusia adalah memerlukan asas-asas sedemikian dan dengan itu adalah haram meluputkan (merosakkan) kelima-lima perkara tersebut. Untuk mencegah dan membanteras perbuatan-perbuatan yang merosakkannya adalah mustahil tanpa ketetapan agama atau ketetapan syariat daripada syariat-syariat yang diperlukan untuk membawa kebaikan kepada manusia. Dengan sebab itulah tidak ada perselisihan antara syariat tersebut dari segi pengharaman kekafiran, membunuh orang, berzina, mencuri dan minum arak”.

Maslahat am dalam ertikata menjaga kepentingan orang lain adalah lebih mustahak di samping kepentingan penjenayah itu sendiri. Dengan pelaksanaan *'uqubah* itu, keselamatan dan kepentingan orang lain terutama kepentingan-kepentingan yang menyentuh kelima-lima asas di atas adalah terjamin. Sebab itulah Allah Yang Maha Bijaksana

menegaskan bahawa pelaksanaan hukuman *qisas* adalah menjamin kehidupan (*hayah*) kepada keseluruhan masyarakat sebagaimana firman-Nya:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: "Dan bagi kamu dalam (hukuman) *qisas* itu adalah hidup (*hayah*) wahai orang-orang yang bijaksana, semoga kamu bertaqwa." (Surah al-Baqarah (2): 179)

Hidup (*hayah*) yang dimaksudkan dalam firman Allah S.W.T di atas ialah menghidupkan orang lain dengan melaksanakan hukuman *qisas* ke atas pembunuh. Hidup dalam pentafsiran yang lebih luas ialah, dengan menjalankan hukuman ('*uqubah*) itu dapat menjaga kepentingan orang lain dan menyelamatkan mereka, di samping memberikan jaminan dan rasa keselesaan dari perbuatan-perbuatan jenayah. Dengan itu, Allah S.W.T telah menegaskan bahawa sesiapa yang membunuh seorang manusia tanpa hak, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia seluruhnya, dan demikian juga sebaliknya apabila dia memelihara nyawa seorang manusia. Firman Allah S.W.T:

مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَى بَنِي إِسْرَءِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ
نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ
أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Maksudnya: "Oleh kerana itu Kami tetapkan (suatu hukuman) bagi Bani Israil, bahawa barang siapa membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barang siapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia seluruhnya." (Surah al-Ma'idah (5): 32).

Demikianlah falsafah di sebalik konsep hidup dalam ayat al-Quran di atas, kerana dengan menghidupkan seorang manusia adalah seperti menghidupkan zuriatnya dan mematikannya tanpa hak adalah mematikan

zuriatnya. Itulah yang dimaksudkan dengan mematikan (membunuh) manusia seluruhnya atau menghidupkan manusia seluruhnya.¹⁰

Kehidupan manusia di dunia ini bergantung pada kepentingan-kepentingan berkenaan. Tidak ada ertinya hidup manusia tanpa kepentingan-kepentingan tersebut. Ini adalah satu kemuliaan yang diberi oleh Allah S.W.T dalam firmanNya:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ

Maksudnya: "Dan Sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam," (Surah al-Isra' (17): 70).

Justeru itu, maka sebarang bentuk pencerobohan ke atas kepentingan tersebut mestilah dikenakan hukuman.¹¹

2) Pembalasan

Falsafah pembalasan dalam hukuman yang dikenakan kepada penjenayah bukan hasil pemikiran manusia malah ia adalah wahyu dan tuntutan Allah S.W.T. Setiap penjenayah akan menerima hukuman sebagai balasan perbuatan mereka.

Apabila kita meneliti ayat-ayat Quran, kita dapati banyak keterangan tentang pembalasan (*jaza'*) telah dikaitkan dengan hukuman jenayah hudud dan qisas. Antaranya firman Allah S.W.T:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya: "Pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan membuat bencana di muka bumi tiada lain dari dibunuh atau digantung pada tiang atau dipotong tangan dan kaki mereka secara bersilang atau dibuang negeri". (Surah al-Ma'idah (5): 53).

Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T menjelaskan potong tangan sebagai balasan bagi perbuatan mencuri. Firman Allah S.W.T:

¹⁰ Ahmad Ibrahim (1992), *Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 30-31.

¹¹ Muhammad Abu Zahrah (t.t), *op.cit.*, h. 32.

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ

Maksudnya: "Laki-laki pencuri dan perempuan pencuri, potonglah tangan keduanya sebagai pembalasan perbuatannya dan untuk hukuman pengajaran dari Allah". (Surah al-Ma'idah (5): 38).

Menjadi fitrah semulajadi manusia untuk membalas dan menuntut bela terhadap orang yang menyakitinya. Oleh kerana Islam adalah agama yang sesuai dengan fitrah manusia, maka penjenayah perlu dikenakan pembalasan yang setimpal dengan kejahatan yang dilakukan. Firman Allah S.W.T:

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ

بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَاللِّسْنَ بِاللِّسَنِ وَالْجُرُوحَ قِصَاصًا

Maksudnya: "Dan telah Kami perintahkan di dalamnya, bahawa jiwa dibayar dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, dan gigi dengan gigi, bahkan lukapun ada pembalasannya". (Surah al-Ma'idah (5): 45).

Bersesuaian dengan konsep pembalasan di atas, terdapat beberapa orang penganalisa dalam bidang jenayah Islam yang menjelaskan bahawa hukuman itu sendiri adalah pembalasan yang dikenakan ke atas penjenayah kerana tindakan mereka mencabuli kepentingan umum.¹²

3) Pencegahan

Hukuman dalam jenayah Islam boleh menjadi suatu pencegahan yang sangat berkesan. Di samping ia akan mencegah penjenayah daripada mengulangi perbuatan jenayah yang sama atau perbuatan jenayah yang lain setelah menerima hukuman, ia juga turut menghalang orang lain daripada melakukan kejahatan setelah mengetahui adanya balasan yang diterima oleh penjenayah. Ibn Humam¹³ contohnya telah menjelaskan berkenaan falsafah pencegahan ini sebagaimana berikut:

¹² 'Abd al-Qadir 'Awdah (1989), *al-Tashri' al-Jina'i al-Islami*. Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 1, h. 609 dan Muhammad Abu al-Mun'im (1988), *Nazrah al-Qur'an Ila al-Jarimah Wa al-Iqab*. Qahirah: Dar al-Manar, h. 207.

¹³ Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Wahid (1316), *Sharh Fath al-Qadir*. Mesir: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah, j. 4, h. 112.

Maksudnya: "Hukuman menjadi pencegahan sebelum melakukan jenayah dan menjadi penghalang selepas melakukannya iaitu dengan mengetahui pelaksanaan hukuman itu mencegah (masyarakat) dari melakukan jenayah, dan bila dikenakan hukuman selepas dilakukan jenayah, dapat menghalang penjenayah dari mengulang jenayah berkenaan".

Daripada keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa pencegahan ada dua bahagian iaitu pencegahan khas dan pencegahan umum. Huraian lanjut mengenai dua bentuk pencegahan ini adalah sebagaimana berikut:

3.1. Pencegahan Khas

Pencegahan ini ditumpukan kepada diri penjenayah yang dihukum. Hukuman yang dikenakan ke atasnya menjadi satu keinsafan dan menimbulkan keserikan untuk mengulangi kesalahan yang sama. Firman Allah S.W.T:

وَأَخَذْنَاهُمْ بِالْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: "Dan mereka Kami siksa dengan siksaan, supaya mereka kembali kepada yang benar". (Surah al-Zukhruf (43): 48).

3.2. Pencegahan Umum

Pencegahan umum ditujukan kepada masyarakat dengan menimbulkan perasaan gerun di dalam hati setiap individu untuk melakukan perbuatan jenayah atau percubaan untuk melakukan jenayah. Sebab itu, pelaksanaan hukuman hudud mesti dipertontonkan di khalayak ramai. Firman Allah S.W.T:

وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: "Dan hendaklah hukuman keduanya itu disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman". (Surah al-Nur (24): 2).

Ibn al-'Arabi menjelaskan:¹⁴

¹⁴ Abu Bakr Muhammad bin 'Abd Allah Ibn al-'Arabi (t.t), *Ahkam al-Quran*. Mesir: Maktabah 'Isa al-Babi al-Halabi, j. 3, h. 1315.

Maksudnya: "*Sesungguhnya hudud mencegah penjenayah dan masyarakat yang menyaksikan pelaksanaannya serta akan menjadi pengajaran bagi generasi akan datang kerana ceritanya menjadi perbualan masyarakat*".

Pendapat seperti ini juga dikemukakan oleh al-Qarrafi¹⁵ iaitu:

Maksudnya: "*Hukuman dikuatkuasakan untuk menolak kerosakan-kerosakan yang dijangkakan, kebanyakan hukuman itu dikenakan terhadap para penderhaka (penjenayah) bagi menghalang mereka sendiri daripada mengulang perbuatan jenayah dan juga sebagai penghalang orang yang datang selepas mereka dari melakukan perbuatan berkenaan*".

Pelaksanaan hukuman dalam Islam lebih mementingkan kesan spiritual dengan dijalankan di tempat terbuka dan disaksikan oleh masyarakat awam. Kesan spiritual ini adalah faktor pencegah dan penghalang yang utama daripada berlakunya kejadian jenayah dalam kalangan masyarakat. Orang ramai yang mengikut dan melihat sendiri acara pelaksanaan hukuman itu akan merasa gerun untuk melakukan jenayah.

Di zaman sains dan teknologi ini, pelaksanaan hukuman itu bukan sahaja boleh disaksikan secara mata kasar oleh orang yang hadir sahaja malah segala peralatan canggih boleh digunakan untuk mempromosi dan mempertontonkan pelaksanaan hukuman itu ke seluruh negeri. Siaran TV dan radio boleh menyiarkan siaran langsung pelaksanaan hukuman tersebut. Pihak media cetak mesti menjadikan peristiwa itu sebagai tajuk utama akhbar harian. Rancangan itu boleh dirakan ke dalam video atau VCD dan diedarkan secara percuma ke seluruh negara.

Secara psikologinya penyaksian dan tontonan itu akan menimbulkan kegerunan di hati masyarakat untuk melakukan jenayah. Seorang yang menyaksikan atau menonton cerita seram pasti teringat dan merasa gerun kerana kesan psikologi dari cerita itu. Ingatan mereka kepada peristiwa itu akan sentiasa dikenang dan disampaikan sebagai pengajaran kepada generasi akan datang.

Pelaksanaan hukuman Islam amat berkesan untuk menghalang kejadian jenayah telah dibuktikan pelaksanaannya di Arab Saudi. Sebagai

¹⁵ Shihab al-Din Abu al-'Abbas al-Qarrafi (1344), *al-Furuq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, j. 1, h. 213.

contoh kejadian jenayah di Arab Saudi pada tahun 1997 hanya satu sahaja dibandingkan di Amerika Syarikat yang tidak menjalankan hukuman Islam pada tahun yang sama sebanyak 10,935,777.¹⁶

Banyak pandangan dan pengalaman yang telah diberikan oleh intelek dan penulis Islam antaranya Akhbar Ahmad tentang keadaan dan keberkesanan hukuman Islam di Arab Saudi. Beliau menceritakan pengalamannya melihat peniaga-peniaga barang kemas meninggalkan kedai mereka tanpa penjaga untuk menunaikan sembahyang di masjid. Menurut beliau keadaan seperti itu tidak mungkin berlaku di Oxford Street pusat membeli belah utama di London. Beliau berpandangan bahawa keadaan Arab Saudi menjadi aman damai kerana hukuman Islam yang dijalankan secara terbuka dan dipertontonkan di sana.¹⁷

4. Pemulihan dan Pendidikan

Hukuman-hukuman dalam Islam bukan bertujuan untuk membalas dendam atau menyakiti malah ia bertujuan sebagai pemulihan atau pembetulan kepada penjenayah. Al-Mawardi¹⁸ dan al-Farra'¹⁹ telah menjelaskan bahawa hukuman hudud dan takzir adalah bertujuan untuk pendidikan, pemulihan dan pencegahan. Pendapat yang sama juga telah dikemukakan oleh Ibn Farhun²⁰ tentang pengertian takzir.

Sekiranya seseorang itu melaksanakan hukuman jenayah dengan niat untuk memuaskan hatinya sendiri atau untuk membalas dendam maka dia dikira berdosa kerana bertentangan dengan pemulihan dan pendidikan.²¹

Banyak peraturan-peraturan syariat Islam yang digubal sebagai membuktikan bahawa hukuman jenayah bukan bertujuan untuk membalas dendam atau menyakiti malah ia sebagai cara pemulihan. Berikut diperturunkan langkah-langkah tersebut:

¹⁶ Fadl Ilahi (1988), *al-Tadabir al-Waqiyah min al-Zina fi al-Fiqh al-Islami*. Pakistan: Idarah Tarjaman al-Islam, h. 254.

¹⁷ Hamzah Sidek (1997), "Ujian Diplomati" dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 27 September 1997.

¹⁸ Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad al-Mawardi (1990), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 386.

¹⁹ Abu Ya'la Muhammad bin al-Husain al-Farra' (1983), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 279.

²⁰ Ibrahim bin 'Ali Ibn Farhun (1986), *Tabsirah al-Hukkam*. Qaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, j. 2, h. 288.

²¹ Ahmad bin 'Abd al-Halim Ibn Taimiyyah (1988), *al-Siyasah al-Shar'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 93 dan Mansur bin Yunus al-Bahuti (t.t), *Kashf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Riyadh: Maktabah al-Nashr al-Hadithah, j. 6, h. 66.

1. Taubat nasuha boleh menggugurkan tuntutan hudud yang berkaitan dengan hak-hak Allah S.W.T. Pendapat ini dikemukakan oleh kebanyakan ulama yang berhujah bahawa tujuan pelaksanaan hukuman adalah untuk memulih. Apabila tujuan tersebut telah dipenuhi dengan taubat nasuha maka hukuman tidak diperlukan lagi.²²
2. Memberi kemaafan amat digalakkan oleh syarak sebelum sesuatu kes dibawa ke pengadilan. Begitu juga memberi maaf dalam kes qisas dan takzir digalakkan kerana hukuman jenayah bukan untuk membalas dendam. Rasulullah SAW telah menjelaskan:

Maksudnya: "*Berilah maaf dalam kes hudud sesama kamu sebelum sampai kepadaku, apabila telah sampai kepadaku dan disabitkan maka aku akan menjalankan hudud*".²³

3. Apabila penjenayah yang mengaku dalam kes hudud menarik balik pengakuannya, maka dia tidak dikenakan hukuman. Di dalam hal ini, syarak menggalakkan memberi kefahaman kepada penjenayah supaya menarik balik pengakuannya.²⁴
4. Sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan, ia perlu dibuktikan oleh saksi dan keterangan yang mencukupi tanpa sebarang keraguan. Dalam masa yang sama, Islam melarang perbuatan mengintip dan mencari kesalahan orang ramai. Justeru itu, untuk membuktikan sesuatu kesalahan jenayah ke atas seseorang yang dituduh sebenarnya sangat sukar. Ia tidak semudah yang disangkakan kerana peraturan Islam dalam hal ini adalah amat ketat.
5. Kalau hukuman terpaksa dijalankan, maka pelaksanaan itu hendaklah dijalankan dalam keadaan cuaca yang baik dan kesihatan penjenayah yang diperakui oleh pihak doktor. Pelaksanaan hukuman boleh ditangguhkan dalam keadaan tertentu.²⁵ Sebagai contohnya dapat dilihat dalam pelaksanaan hukuman sebat. Perempuan yang hamil, orang sakit yang ada

²² Muhammad Bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1989). *al-Turuq al-Hukmiyyah*. Beirut: Maktabah al-Mu'ayyad, j. 2, h. 60.

²³ Sulayman bin al-Ash'ath Abu Dawud (1990), *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 4, h. 27 dan Muhammad bin 'Abd Allah al-Hakim (1990), *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihayn*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 4, h. 424.

²⁴ Muhammad bin 'Ali al-Shawkani (1995), *Nayl al-Awtar*. Makkah: Dar al-Baz, j. 7, h. 108.

²⁵ Muhammad bin 'Abd Allah al-Zahim (1991), *Athar Tatbiq al-Shari'ah al-Islamiyyah fi Man'i al-Jarimah*. Qaherah: Dar al-Manar, h. 102 dan selepasnya.

harapan sembuh dan keadaan cuaca yang terlalu panas atau terlalu sejuk adalah menjadi sebahagian daripada faktor penangguhan hukuman.

Perempuan yang hamil tidak akan disebat sehingga dia melahirkan anak dan tamat tempoh nifasnya. Sandaran pendapat ini ialah kisah Sayidina Ali r.a pada zaman Rasulullah SAW, di mana pelaksanaan hukuman sebat terhadap seorang hamba perempuan telah ditangguhkan sehingga darah nifasnya kering.²⁶ Selain itu, dari segi logiknya apabila digabungkan antara kesakitan sebatan dan kesakitan mengandung atau melahirkan anak, ia boleh membawa kematian. Kematian itu bukan sahaja terkena pada diri pesalah semata-mata bahkan ia turut melibatkan anak yang berada dalam kandungannya.

Selain itu, orang sakit yang ada harapan untuk sembuh juga tidak boleh disebat tetapi mesti ditangguhkan sehingga dia sembuh. Sandaran pandangan ini adalah sama seperti dalam penangguhan sebat dalam kes hamil. Ulama' berpendapat bahawa orang sakit adalah sama seperti perempuan yang bernifas.²⁷

Keadaan cuaca yang terlalu panas atau terlalu sejuk juga turut mempengaruhi penangguhan hukuman sebat. Hujah penangguhan ini adalah sama seperti hujah penangguhan kes-kes di atas. Faktor-faktor penangguhan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya kebinasaan atau kematian ke atas pesalah yang dikenakan hukuman sebat.²⁸

Apabila penjenayah yang akan dikenakan hukuman sebat mengidap penyakit yang tidak ada harapan sembuh, maka pelaksanaan hukuman sebat tidak boleh ditangguhkan malah dia mesti disebat juga tetapi diberi keringanan kepadanya. Keringanan ini adalah dalam bentuk penggunaan alat sebatan dan kadar sebatan.

Beberapa gambaran keringanan telah diberikan oleh ulama' antaranya ialah penggunaan cemeti yang tidak membinasakannya dengan kadar sebatan yang ringan, di mana sekiranya pesalah itu tidak mampu

²⁶ Muslim bin al-Hajjaj (1987), *Sahih Muslim Bi Syarh Al-Nawawi*. Qaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath, j. 4, h. 314; Abu Dawud Sulayman bin al-Ash'ath (1990), *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah: 6/111 dan Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi (1990), *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, j. 4, h. 595.

²⁷ Abu Muhammad bin Ahmad al-Sarakhsi (t.t), *al-Mabsut*. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah, j. 9, h. 100.

²⁸ Hamidi bin Abdul Ghani (2008), *Keadilan Hukuman Sebat Menurut Islam*. Kelantan: Pustaka Assohabah, h. 28.

menanggung kesakitan sebatan secara normal, maka dia hendaklah disebat dengan menggunakan seratus atau lima puluh ranting-ranting kayu yang diberkas menjadi satu atau dua.²⁹

Pemilihan dan perubahan alat sebatan adalah berdasarkan kepada kekuatan tubuh pesakit untuk menerima sebatan menurut bilangan yang telah ditetapkan. Di antara individu yang tergolong dalam kategori ini ialah orang yang mempunyai fizikal yang amat lemah dan tidak berdaya untuk menanggung kesakitan daripada sebatan yang banyak.³⁰ Dalam hal ini, untuk menentukan daya ketahanan pesalah, mestilah dirujuk kepada doktor pakar yang akan mencadangkan kepada hakim.

Sandaran kepada pendapat ulama ini ialah perintah Rasulullah SAW supaya disebat pesalah yang sedang sakit tenat kerana kesalahan zina dengan cara melakukan sekali sebatan sahaja dengan menggunakan seberkas ranting kayu yang berjumlah seratus.³¹

5. Memuaskan Hati Pihak Mangsa

Berhubung dengan hukuman, ada disebutkan bahawa pihak mangsa sama ada keluarganya perlu berasa puas hati setelah mereka dianayai. Kepuasan ialah sesuatu yang diterima sebagai ganti kepada kesakitan yang dialami. Jika persoalan dihubungkan dengan kesalahan, maka kepuasan ialah anggaran yang diberi kepada pihak mangsa kerana kesakitan yang dialami. Kepuasan dapat menghilangkan rasa dendam untuk menuntut bela oleh pihak yang disakiti.³²

Sesungguhnya dengan mengenakan hukuman ke atas penjenayah maka perbuatan-perbuatan seperti menuntut bela dan membalas dendam dapat dikawal. Hukuman amat diperlukan untuk menggantikan perbuatan

²⁹ Abu Muhammad 'Abd Allah bin Yusuf Al-Zayla'i (1973), *Nasb al-Rayah*. T.tp: al-Maktabah al-Islamiyyah, h. 174-175. Kamal al-Din Muhammad bin Abd Wahid Ibn Humam (1316), *Sharh Fath al-Qadir*. Mesir: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah, j. 5, h. 245; Muhammad bin Ahmad al-Sharbini (1958), *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, j. 4, h. 154 dan Mansur bin Yunus al-Bahuti (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 154.

³⁰ 'Abd al-Malik 'Abd al-Rahman al-Sa'adi (1985), *al-'Alaqat al-Jinsiyyah Ghayr al-Shar'iyyah*. Jeddah: Dar al-Bayan al-'Arabi, j. 2, h. 372.

³¹ Sulayman bin al-Ash'ath Abu Dawud (1990), *op. cit.*, j. 6, h. 110 dan Muhammad bin Yazid Ibn Majah (t.t), *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 859.

³² Muhammad Muslehuddin (1992), *Jenayah Dan Doktrin Islam Dalam Tindakan Pencegahan* (terj. Asiah Idris). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 42 dan Muhammad Abu Hasan (1987), *Ahkam al-Jarimah wa al-'Uqubah*. Jordan: Maktabah al-Manar, h. 185.

membalas dendam kerana perbuatan-perbuatan itu sering menimbulkan kesusahan kepada masyarakat dan cenderung untuk menambahkan tindakan balas-membalas sebagaimana yang boleh didapati dalam pertelingkahan darah.

Dengan terlaksananya hukuman, maka kedamaian akan tercapai dan keadilan dapat ditegakkan. Ini kerana dasar hukuman dalam Islam adalah persamaan yang bererti bahawa hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan jenayah yang dilakukan. Contoh seperti ini dapat dilihat dengan jelas dalam pelaksanaan hukuman qisas dalam masyarakat.

6. Menghapus Dosa

Falsafah ini dikaitkan dengan penjenayah yang dikenakan hukuman jenayah. Pelaksanaan hukuman akan menghapuskan dosa penjenayah dan melepaskan mereka dari azab di akhirat.³³ Alasan bagi pendapat ini ialah hadis yang diriwayatkan oleh 'Ubadah bin al-Samit r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:³⁴

Maksudnya: *"Berbai'ahlah kamu kepadaku untuk tidak mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa pun, tidak mencuri, tidak berzina dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan melainkan dengan hak. Sesiapa yang menepati janjinya, maka pahalanya terserah kepada Allah. Dan sesiapa yang melakukan salah satu dari perkara-perkara di atas lalu dihukum di dunia, maka itu adalah sebagai penghapus dan pembersih dosanya."*

Imam Muslim meriwayatkan sebuah hadis yang bersumber daripada Buraydah RA katanya:³⁵

Maksudnya: *"(Ma'iz bin Malik datang kepada Nabi SAW seraya berkata: "Ya Rasulullah, sucikanlah saya". Rasulullah SAW bersabda: "Apalah engkau, kembalilah dan beristighfarlah kepada Allah dan bertaubatlah kepadanya". Kata Buraydah: Ma'iz pulang tak berapa jauh kemudian ia datang seraya berkata: "Ya Rasulullah,*

³³ Al-Sayyid Sabiq (1987), *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, j. 2, h. 326.

³⁴ Ibn Hajar al-'Asqalani (1407), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Qaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, j. 12, h. 85 dan Yahya bin Sharaf al-Nawawi (1987), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj*. Qaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath, j. 4, h. 222.

³⁵ Yahya bin Sharaf al-Nawawi (1987), *ibid.*, j. 4, h. 199.

sucikanlah saya". Rasulullah bersabda: "Apalah engkau, pulanglah, beristighfarlah kepada Allah dan bertaubatlah kepadaNya". Ma'iz pulang tidak berapa jauh kemudian ia datang dan berkata: "Ya Rasulullah, sucikanlah saya". Rasulullah bersabda seperti itu juga, sehingga pada kali yang keempat, Rasulullah SAW bersabda kepadanya: "kerana dosa apakah saya perlu sucikan engkau?". Ma'iz menjawab: "kerana dosa zina". Rasulullah SAW bertanya orang: "Apakah dia berpenyakit gila?". Rasulullah SAW diberitahu bahawa Ma'iz bukan gila. Rasulullah SAW bersabda: "Apakah dia meminum khamar?". Seorang laki-laki bangun lalu menghidu mulutnya dan dia tidak mendapati bau khamar darinya. Rasulullah SAW bersabda: "Apakah engkau telah berzina?". Ma'iz menjawab: "Ya". Rasulullah SAW lalu memerintahkan supaya ia direjam, lantas Ma'iz pun direjam. Dalam hal ini manusia ada dua golongan. Ada yang berkata: Ma'iz telah binasa, kesalahannya telah melingkunginya. Dan segolongan pula berkata: Apakah satu taubat yang lebih utama daripada taubat Ma'iz? Ia datang kepada Nabi SAW dan meletakkan tangannya dalam tangan Rasulullah, kemudian ia berkata: Bunuhlah saya dengan batu. Mereka tinggal dalam keadaan demikian selama dua atau tiga hari, kemudian Nabi SAW datang di kala mereka sedang duduk. Baginda memberi salam dan duduk dan kemudian bersabda: "Mohonkan keampunan untuk Ma'iz bin Malik". Mereka pun berdoa: "Semoga Allah mengampuni Ma'iz bin Malik". Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya dia telah bertaubat dengan satu taubat yang jika dibahagi-bahagikan di antara satu umat nescaya meliputi mereka semuanya".

Falsafah menghapus dosa yang dinamakan sebagai *jawabir* atau *kaffarah* hanya terdapat dalam undang-undang jenayah Islam sahaja. Ini adalah keistimewaan agama Islam yang mengaitkan perlaksanaan hukuman dengan tujuan pembersihan dosa di akhirat. Ciri seperti inilah dapat membangkitkan rasa ingin membuat pengakuan bersalah kerana hendak melepaskan diri daripada azab neraka dan membersihkan diri daripada dosa seperti pengakuan Maiz dan perempuan al-Ghamidiyyah.³⁶ Ini memperlihatkan keberkesanan pelaksanaan hukuman jenayah Islam untuk menyedarkan masyarakat dari terus melakukan jenayah.

³⁶ Muhammad al-Tahir Muhammad Abd al-'Aziz (1990), *Jara'im al-I'tida' 'ala al-'Ard*. Mesir: al-Maktabah al-'Alamiyyah, h. 75.

7. Memberi Rahmat

Pelaksanaan hukuman dalam Islam akan membawa rahmat dan berkat kepada masyarakat dan pesalah kerana perlaksanaan itu akan menyekat kejahatan dari merebak dalam kalangan mereka. Situasi itu akan mewujudkan keamanan dan kemakmuran negara. Melalui kemakmuran itu Allah S.W.T akan memberi rahmat dan keberkatan dari sisiNya. Firman Allah S.W.T:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ

وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: "Sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka berkah di langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat kami) itu, maka kami seksa mereka disebabkan perbuatannya." (Surah al-A'raf (7): 96).

Sabda Rasulullah SAW:³⁷

إِقَامَةُ حَدٍّ بِالْأَرْضِ خَيْرٌ لِأَهْلِهَا مِنْ مَّطَرٍ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً

Maksudnya: "Melaksanakan suatu hukuman hudud di bumi adalah lebih baik daripada hujan empat puluh malam."

Kedudukan hukuman dalam Islam sama seperti seorang ayah yang mendidik anaknya atau seorang doktor yang merawat pesakitnya. Bukankah kita telah maklumi bahawa seorang ayah kadangkala terpaksa merotan anaknya atau seorang doktor perlu memberi kepada pesakitnya ubat yang pahit dan sekali-sekala terpaksa memotong anggota badannya. Perbuatan tersebut walaupun dari sudut zahirnya kelihatan seperti menyiksa namun ia sebenarnya sebagai suatu rahmat yang besar kepada pesakit berkenaan.³⁸

³⁷ Abu 'Abd al-Rahman al-Nasa'i (1930), *Sunan al-Nasa'i bi Syarh al-Suyuti*. Beirut: Dar al-Fikr, j. 8, h. 76.

³⁸ Ahmad bin 'Abd al-Halim Ibn Taymiyyah (1988), *op. cit.* dan al-'Izz 'Abd al-'Aziz bin 'Abd al-Salam (1990), *Qawa'id al-Ahkam*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyan, j. 1, h. 7.

8. Menegakkan Keadilan

Menegakkan keadilan dalam ertikata bahawa adalah adil untuk menghukum orang yang melakukan jenayah setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan. Firman Allah S.W.T:

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا

Maksudnya: “Membalas suatu kesalahan, hendaklah dengan seimbang” (Surah al-Shura (42):40)

Kadang-kadang hukuman dalam Islam adalah setimpal dengan jenayah yang dilakukan sebagaimana yang diperuntukkan dalam hukuman Qisas tetapi kadang-kadang ianya setimpal dari sudut kesannya. Misalnya jenayah mencuri, kalau dinilai dari sudut lahiriahnya adalah tidak setimpal antara harta yang dicuri dengan tangan yang terpaksa dipotong. Tetapi Islam memandang konsep kesetimpalan itu dari sudut kesan jenayah tersebut kepada masyarakat, di mana ia akan menimbulkan ketakutan dan ketidak tenteraman kepada tuan punya harta khususnya dan masyarakat amnya.

Jika satu tangan dipotong kerana mencuri, maka ia boleh menyelamatkan jutaan wang rakyat. Menurut Sheikh Muhammad Abu Zahrah, adalah satu perkara yang ganjil apabila kita menaruh belas kasihan kepada seorang pencuri yang kehilangan satu pergelangan tangan yang dipotong, dari seribu kes mencuri, sedangkan statistik menunjukkan bahawa bagi setiap seratus kes mencuri akibatnya ialah satu nyawa akan terkorban.³⁹

Dr. Wahbah Zuhayli pula menulis dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* mengenai Laporan Penerangan Bagi Undang-Undang Had Mencuri dan Merompak, nombor 148, tahun 1972 yang diterbitkan di Libya, yang antara lainnya berbunyi:⁴⁰

Maksudnya: “Sesetengah orang yang ragu-ragu dan tidak mempercayai, mereka menyifatkan hukuman potong tangan (iaitu had mencuri dan merompak) sebagai tidak sesuai dengan zaman moden dan dunia yang serba maju, dan mereka menganggapnya keras dan kejam. Mereka melihat dari sudut beratnya hukuman tetapi melupai betapa kejinya

³⁹ Dr. Amir et al. (2002), *Falsafah Perundangan Islam*. Mahzum Book Services, h. 242.

⁴⁰ Wahbah al-Zuhayli (2001), *Fiqh dan Perundangan Islam* (terj. Dr. Ahmad Shahbari Salamon et al.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, j. 6, h. 10.

kesalahan dan kesannya yang menimpa ke atas masyarakat. Sesungguhnya mereka sama-sama menangisi tangan pencuri yang dipotong, tetapi tidak gerun dengan kesalahan mencuri dan berleluasanya kesalahan itu dalam kalangan masyarakat. Berapakah kesalahan yang dilakukan pada jalan mencuri, berapakah kesalahan menganiaya ke atas jiwa dan bencana yang merebak yang berlaku ke atas orang yang tidak berdosa dengan sebab mencuri? Berapakah mata benda yang telah dirampas, harta yang telah dibolot, dan manusia yang diusir dengan sebab menyerang dengan keras ke atas harta benda mereka itu dan sumber rezeki mereka? Semua ini tidak disangka-sangka oleh orang-orang yang merasa belas kasihan terhadap pencuri yang bilangannya sedikit yang dikenakan hukuman potong tangan demi keamanan dan kesejahteraan semua.

Apakah mereka tidak bertanya, mana satukah yang lebih mudah ke atas masyarakat, potong satu atau dua tangan pada setiap tahun, yang menyebabkan kes curi akan ditutup dan hampir tidak berlaku hukuman potong tangan selepas itu, dan manusia hidup aman dan tenteram menjaga harta dan diri mereka, ataupun mengurung, memenjara dan menghukum dengan kerja-kerja berat yang sementara dan kekal akibat kesalahan mencuri semata-mata di kebanyakan negara yang jumlahnya ribuan setiap tahun, kemudian kes curi itu tidak juga selesai, malah bertambah-tambah, berjenis-jenis dan payah. Oleh itu kita masih mendengar bank-bank dengan mudah dirompak, kereta dicuri pada siang hari, gudang diselongkar dan kecurian ke atas harta benda bertukar menjadi jenayah ke atas nyawa dan kehormatan, dan hampir-hampir tidak dapat dikejar oleh ilmu, taktik dan kekuasaan".

KESIMPULAN

Hukuman yang dikenakan kepada penjenayah dalam undang-undang jenayah Islam bertujuan untuk melindungi kepentingan masyarakat dan memperbaiki diri pesalah. Di samping itu juga adalah sebagai pembalasan ke atas perbuatan jahat dan menjadi pencegah dari mengulangi melakukan perbuatan jenayah.

Falsafah Hukuman Dalam Undang-undang Jenayah Islam

Di samping matlamat di dunia, hukuman juga mempunyai tujuan akhirat iaitu sebagai penghapus dosa dan terselamat dari azab di akhirat. Selain dari matlamat yang akan dicapai oleh penjenayah dan masyarakat, pelaksanaan hukuman Islam juga adalah sebagai ibadat yang bertujuan untuk menuntut keredaan Allah. Dengan pelaksanaan hukuman, keadilan dapat dicapai dan rahmat Allah S.W.T akan datang mencurah-curah.

Untuk merealisasikan tuntutan falsafah pencegahan maka hukuman jenayah syariah dan bukan syariah mestilah dijalankan secara terbuka atau dipertontonkan. Bagi membolehkan cara pelaksanaan di khalayak ramai, maka disarankan pihak kerajaan memindahkan beberapa peruntukan yang terdapat dalam Akta Penjara, Peraturan Penjara dan Kanun Prosedur Jenayah.